

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 09 APRIL 2018

MUKA SURAT: 04

60 peratus pegawai, anggota bomba tidak cergas

Oleh **AZIZI MAJID**
pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 8 April - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan mengambil tindakan drastik apabila 60 peratus daripada lebih 14,000 pegawai serta anggotanya gagal dalam Ujian Kecergasan Fizikal Individu (IPPT).

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, antara faktor mereka gagal dalam ujian tersebut adalah kegemukan dan menghadapi masalah kesihatan seperti kencing manis, darah tinggi dan jantung.

"JBPM memandang serius mengenai tahap kecergasan fizikal pegawai dan anggota kita kerana sedikit sebanyak turut

memberi kesan terhadap perkhidmatan sebagai sebuah agensi penyelamat.

"Justeru, kita akan mengambil tindakan proaktif seperti mengadakan program-program kecergasan terutamanya bagi anggota yang mengalami masalah berat berlebihan, sekaligus meningkatkan peratusan IPPT kepada 50 peratus pada akhir tahun ini," katanya pada Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun JBPM Negeri Johor di sini hari ini.

Pada majlis itu, Wan Mohd. Nor menyampaikan pingat kepada seramai 131 pegawai dan anggota termasuk orang awam dan empat wartawan sambil di-

saksikan Pengarah JBPM negeri, Othman Abdullah.

Wan Mohd. Nor berkata, masalah kecergasan fizikal dalam kalangan anggotanya antara lain akan memberi kesan terhadap masa bertindak agensi berkenaan setiap kali menerima panggilan kecemasan.

"Sebagai sebuah agensi penyelamat, setiap saat adalah sangat berharga. Bayangkan sekiranya anggota itu tidak cergas fizikalnya, pasti akan melambatkan masa bertindak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 30 buah balai bomba baharu sedang dalam pembinaan di seluruh negara termasuk enam di negeri ini dan diharap dapat meningkatkan lagi perkhidmatan agensi tersebut pada masa depan.



WAN MOHD. NOR IBRAHIM (depan, tiga dari kanan) bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Bomba dan Penyelamat di Johor Bahru, Johor, semalam. - BERNAMA